

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2025, Vol 2, Bil 8, Halaman 1-14

Penguasaan Murajaah Hafazan Al-Quran dan Ekosistem Pembelajaran Tahfiz

[Mastery of Qur'anic Memorization and Tahfiz Learning Ecosystem]

Mohamad Marzuqi Abdul Rahim^{1*}, Abdul Hadi Borham², Nur Farhanis Faisal³, Sukhairu Sulaiman⁴

¹ Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Malaysia

² Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Malaysia

³ Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Malaysia.

⁴ Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 44000, Malaysia

Corresponding Author: Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, abatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Malaysia.

Artikel dihantar: 10 September 2025

Artikel diterima: 2 Disember 2025

Artikel diterbit: 30 Disember 2025

ABSTRACT

The holistic learning ecosystem is a critical factor in supporting students' mastery of Qur'anic memorization (murajaah) in tahfiz education. This study aims to examine the effectiveness of a tahfiz learning ecosystem in strengthening murajaah practices among tahfiz students in Malaysia. The holistic ecosystem is conceptualized through five interrelated dimensions: physical and spatial, social and emotional, academic and pedagogical, spiritual and organizational management. A quantitative survey involving 194 students from five tahfiz institutions was conducted and the data were analyzed using descriptive and inferential statistics through SPSS version 27.0. The results demonstrate a significant relationship between the tahfiz learning ecosystem and students' mastery of murajaah. Specifically, a supportive and well-structured environment was found to enhance concentration, motivation and memory retention during the memorization process. The study highlights the importance of adopting a holistic tahfiz learning ecosystem approach when designing strategies for tahfiz education, as it contributes substantially to the effectiveness of murajaah, which forms the foundation of Qur'anic memorization.

Keywords: *Tahfiz learning ecosystem, murajaah, Qur'anic memorization, student motivation, tahfiz education.*

ABSTRAK

Ekosistem pembelajaran tahfiz holistik merupakan faktor penting yang menyokong penguasaan murajaah hafazan al-Quran dalam pendidikan tahfiz. Kajian ini bertujuan meneliti keberkesanan ekosistem pembelajaran tahfiz terhadap penguasaan amalan murajaah dalam kalangan pelajar sekolah menengah tahfiz terpilih di Malaysia. Ekosistem pembelajaran tahfiz holistik ini digarap melalui lima dimensi yang saling berkaitan, iaitu fizikal dan ruang, sosial dan emosi, akademik dan pedagogi, kerohanian, serta pengurusan organisasi. Satu tinjauan kuantitatif melibatkan 194 orang pelajar daripada lima institusi tahfiz telah dijalankan, dan data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif serta inferensi melalui SPSS versi 27.0. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara ekosistem pembelajaran holistik dengan penguasaan murajaah pelajar. Secara khususnya, ekosistem pembelajaran yang kondusif dan tersusun didapati dapat meningkatkan tumpuan, motivasi, serta daya ingatan dalam



proses murajaah hafazan. Kajian ini menegaskan bahawa pendekatan holistik amat penting dalam merangka strategi pendidikan tahfiz kerana ia memberi sumbangan besar terhadap keberkesanan amalan murajaah yang menjadi asas kepada hafazan al-Quran.

Kata kunci: Ekosistem pembelajaran holistik, murajaah, hafazan al-Quran, motivasi pelajar, pendidikan tahfiz

How to Cite: Abdul Rahim, M. M. ., Borham, A. H. ., Faisal, N. F., & Sulaiman, S. . (2025). Penguasaan Murajaah Hafazan Al-Quran dan Ekosistem Pembelajaran Tahfiz: Mastery of Qur'anic Memorization (Murajaah) and The Learning Ecosystem in Tahfiz Learning. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 8(2), 1–14.

DOI: 10.53840/qiraat.v8i2.101

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan mukjizat agung yang kekal terpelihara keasliannya sejak diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW lebih 14 abad yang lalu (Dicky Syahfrizal et al., 2024). Pemeliharaan ini dijamin oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami-lah yang menurunkan al-Quran dan Kami-lah yang memelihara serta menjaganya.”

(Surah al-Hijr 15:9)

Salah satu mekanisme pemeliharaan tersebut ialah hafazan, dimana Rasulullah SAW menerima wahyu daripada Jibril AS dan kemudiannya menghafaz tanpa mudah lupa (Surah al-A'la ayat 6). Setelah itu, ianya diwariskan kepada para sahabat untuk dihafaz dan diamalkan (al-Habash, 1987). Tradisi hafazan ini terus berkembang sehingga kini menjadi sebahagian dari tonggak dalam sistem pendidikan Islam dan berfungsi memastikan kesinambungan al-Quran secara mutawattir sepanjang zaman (al-Suyuti, 1987). Hal ini juga selaras dengan firman Allah SWT:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ﴿١٧﴾

Maksudnya:

“Dan demi sesungguhnya, Kami telah memudahkan al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran; maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan daripadanya?”

(Surah al-Qamar 54:17)

Pengajian tahfiz bukan sahaja berperanan melahirkan para *huffaz* yang menguasai 30 juzuk al-Quran, malahan ia turut memperkukuhkan disiplin ilmu al-Quran dalam masyarakat (Mohd Gunawan, 2019). Di Malaysia,



Pendidikan Tahfiz secara formal bermula sejak tahun 1960 dengan penubuhan kelas tahfiz al-Quran di Masjid Negara (Muhammad Toriq Yaacob, 2020). Kini, sistem tahfiz telah semakin berkembang pesat dengan penawaran program di sekolah menengah, institusi pengajian tinggi serta pusat swasta seiring dengan permintaan ibu bapa dan aspirasi negara dalam melahirkan generasi celik al-Quran.

Penguasaan hafazan bukanlah sekadar mengingat ayat baharu, namun sebaliknya ia memerlukan proses murajaah yang konsisten dan sistematik. Murajaah merupakan kaedah ulang kaji hafazan yang berfungsi mengukuhkan memori jangka panjang serta mencegah berlakunya kelupaan (Mohd Nazir Kadir et al., 2021). Keberkesanan murajaah amat bergantung pada ketekunan individu, kaedah pengajaran guru dan sokongan ekosistem pembelajaran tahfiz yang kondusif. Menurut Fraser (1998) ekosistem pembelajaran melibatkan aspek sosial, psikologi dan pedagogi mampu mempengaruhi pencapaian pelajar. Wong dan Fraser (1996) pula menegaskan bahawa kualiti persekitaran menjadi penentu utama kepada hasil pembelajaran pelajar. Oleh itu, ekosistem pembelajaran tahfiz yang holistik dan kondusif menjadi faktor kritikal dalam memastikan para *huffaz* dapat mengekalkan hafazan dengan mantap melalui penguasaan murajaah yang berterusan.

2.0 LATAR BELAKANG

Murajaah berasal dari kata akar Bahasa Arab رَاجَعَ dan رَجَعَ yang bermaksud mengulang-ulang atau menyemak kembali sesuatu perbuatan secara kerap (Ibnu Manzur, 1990). Definisi ini selari dengan takrifan Kamus Dewan Bahasa edisi keempat yang menyatakan bahawa murajaah adalah pengulangan berterusan terhadap sesuatu perbuatan atau perkara. Dalam konteks hafazan al-Quran, murajaah merujuk kepada proses pengulangan hafazan ayat-ayat al-Quran secara konsisten dengan tujuan mengekalkan ingatan dan mengelakkan kelupaan (Mohd Nor Azmil & Miftachul Huda, 2025; Mohd Nazir et al., 2021). Kaedah murajaah secara lazimnya melibatkan bacaan berulang sama ada secara individu, semakan dengan guru (*tasmi'*), pengulangan bersama rakan serta penetapan jadual hafazan yang sistematik (Murihah et al., 2015).

Keberkesanan murajaah tidak hanya bergantung pada disiplin semata-mata, namun ia juga turut dipengaruhi oleh ekosistem pembelajaran yang mendukung proses hafazan (Mohd Nor Azmil & Miftachul Huda, 2025). Ekosistem pembelajaran ditakrifkan sebagai keseluruhan persekitaran yang saling berhubungan merangkumi aspek fizikal, sosial, rohani, emosi, akademik dan pengurusan yang membentuk suasana pembelajaran yang kondusif (Fraser, 1998). Ia bukan sahaja melibatkan ruang pembelajaran secara nyata, namun juga meliputi hubungan interpersonal, budaya institusi dan nilai spiritual yang dapat menyuburkan semangat pelajar.

Dari sudut fizikal, ruang pembelajaran seperti kelas, masjid, surau dan asrama memainkan peranan penting dalam mempengaruhi motivasi serta keselesaan pelajar untuk mengulang hafazan (Mohd Ismail et al., 2008). Namun, ruang fizikal ini tidak berfungsi dengan baik tanpa sokongan sosial dan emosi terutamanya daripada rakan sebaya, guru dan ibu bapa. Kajian menunjukkan bahawa sokongan rakan di asrama dapat memberi dorongan yang besar




kepada semangat murajaah (Sharifah Alwiah, 1987; Abdullah, 2001; Mok, 2001) seiring dengan teori pembelajaran sosial Bandura (1977) yang menekankan kepentingan interaksi sosial dalam proses pembelajaran. Sokongan keluarga juga turut memainkan peranan penting. Hal ini kerana pemantauan ibu bapa terbukti berkesan bagi meningkatkan fokus hafazan, manakala pengabaian boleh melemahkan pencapaian anak (Shaverand & Walls, 1998; Lawsom, 2003).

Selain itu, dimensi rohani turut menyumbang kepada keberkesanan murajaah. Sejarah pendidikan Islam membuktikan bahawa sejak zaman Rasulullah SAW, masjid dijadikan sebagai pusat pembelajaran al-Quran melalui institusi *suffah* (al-Naqib, 1984; Lokman Ab Rahman, 2000; Safinah Ismail et al., 2015). Suasana spiritual yang dipenuhi amalan ibadah seperti solat berjemaah, bacaan al-Quran, zikir dan doa dapat membentuk ketenangan jiwa serta istiqamah pelajar dalam mengulang hafazan. Tambahan, faktor pemakanan juga dikaitkan dengan keberkatan hafazan dan ketajaman ingatan (Aemy Liza, 2014).

Dari sudut akademik dan pengurusan pula, pelaksanaan pembelajaran tahfiz memerlukan pendekatan yang sistematik. Model Pembelajaran Masteri yang diperkenalkan oleh Bloom (1964) dilihat sesuai untuk pengajian tahfiz kerana ia menekankan penguasaan penuh terhadap sesuatu ayat sebelum berpindah kepada ayat baharu. Firdaus et al. (2016) menegaskan bahawa pembelajaran masteri mampu memperkukuhkan pencapaian pelajar khususnya dalam konteks hafazan. Dalam bidang tahfiz, pendekatan ini diaplikasikan melalui kaedah murajaah berulang, semakan hafazan (*tasmi'*) secara berterusan serta penetapan sasaran yang jelas (Murihah et al., 2015). Faktor pengurusan institusi yang teratur pula dapat memastikan semua aktiviti murajaah dijalankan mengikut jadual yang terancang.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa penguasaan murajaah hafazan al-Quran memerlukan sokongan ekosistem pembelajaran yang holistik. Persekitaran fizikal, sosial, rohani, emosi, akademik dan pengurusan bukanlah entiti yang terpisah. Namun sebaliknya saling melengkapi dalam membentuk suasana yang kondusif. Apabila aspek-aspek ini digabungkan secara harmoni, ia mampu mewujudkan ekosistem pembelajaran tahfiz yang sebenar-benarnya berkualiti dan istiqamah dalam menjaga hafazan mereka. Hubungan antara murajaah dan ekosistem pembelajaran tahfiz ini dapat digambarkan seperti dalam Rajah 1.

Rajah 1: Ekosistem Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia



3.0 METODOLOGI KAJIAN

Penulis menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kajian tinjauan yang berbentuk deskriptif dan inferensi. Soal selidik yang telah diubah suai daripada kajian lepas digunakan untuk mengutip data dalam kalangan pelajar. Populasi kajian bagi lima buah institusi tahfiz terpilih di Malaysia berjumlah 386 orang dan melibatkan sampel yang dipilih secara rawak berstruktur sebanyak 194 orang pelajar. Proses analisis data dilakukan secara deskriptif melalui analisis berkomputer menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences Version 27.0*. Statistik deskriptif yang digunakan ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai.

Penyelidik menghuraikan analisis deskriptif secara keseluruhan dengan menggunakan jadual interpretasi min tingkah laku afektif yang telah dirumuskan oleh Nunally (1978) seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Sementara itu item-item di dalam konstruk kaedah persekitaran pembelajaran tahfiz dan pembelajaran masteri dihuraikan dalam bentuk min, peratusan dan bilangan kekerapan.



Jadual 1: Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif

Skor min	Interpretasi
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.01-2.00	Rendah

Sumber: Nunally (1978)

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini merangkumi tiga aspek utama iaitu tahap penguasaan murajaah hafazan al-Quran, ekosistem pembelajaran tahfiz, serta hubungan antara kedua-duanya. Secara keseluruhan dapatan deskriptif menunjukkan penguasaan murajaah berada pada tahap sederhana tinggi dengan penekanan kepada semakan lisan, penetapan sasaran dan bimbingan guru dalam teknik hafazan. Ekosistem pembelajaran turut berada pada tahap sederhana tinggi dengan pengaruh ketara daripada aktiviti murajaah di masjid atau surau serta sokongan keluarga di rumah. Sementara itu, analisis inferensi melalui ujian korelasi membuktikan wujud hubungan positif yang signifikan antara persekitaran pembelajaran dengan penguasaan murajaah, sekali gus menegaskan bahawa keberkesanan pendidikan tahfiz sangat bergantung pada sinergi antara amalan pembelajaran pelajar dan sokongan ekosistem holistik.

4.1 Penguasaan (*Mastery*) Murajaah Hafazan Al-Quran

Dapatan kajian pada bahagian ini pula adalah mengukur amalan pembelajaran hafazan yang membawa kepada penguasaan murajaah hafazan al-Quran. Sejumlah 14 ítem dikemukakan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas mereka terhadap kaedah pengajaran guru di dalam kelas tahfiz. Maklum balas responden adalah dalam bentuk skala likert lima mata iaitu dari skala 1 untuk tidak pernah dan seterusnya jarang sekali, kadang-kadang, kerap dan sentiasa pada skala 5. Jadual 2 menunjukkan peratus, kekerapan, min dan sisihan piawai pembelajaran masteri murajaah hafazan dari maklum balas pelajar.

Jadual 2: Pembelajaran Masteri Hafazan Al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (n=194)					Min	SP	Interpretasi
		TP	JS	KK	K	S			
1	Tips meneguhkan hafazan.	2 (1.0)	8 (4.1)	18 (9.3)	74 (38.1)	87 (44.8)	4.25	0.87	Tinggi
2	Latihan tambahan (pengayaan)	5 (2.6)	11 (5.7)	52 (26.8)	66 (34.0)	54 (27.8)	3.81	1.00	Sederhana Tinggi
3	Latihan hafazan bertulis	12 (6.2)	20 (10.3)	84 (43.3)	48 (24.7)	25 (12.9)	3.29	1.03	Sederhana Tinggi

4	Ujian lisan hafazan	5 (2.6)	15 (7.7)	72 (37.1)	65 (33.5)	32 (16.5)	3.55	0.95	Sederhana Tinggi
5	Latihan kefahaman ayat hafazan	5 (2.6)	9 (4.6)	68 (35.1)	63 (32.5)	44 (22.7)	3.70	0.97	Sederhana Tinggi
6	Kawalan kelas sepenuhnya.	5 (2.6)	6 (3.1)	26 (13.4)	76 (39.2)	76 (39.2)	4.12	0.95	Tinggi
7	Pencapaian dimaklumkan.	3 (1.5)	2 (1.0)	16 (8.2)	81 (41.8)	87 (44.8)	4.31	0.80	Tinggi
8	Pengawalan sukatan hafazan	5 (2.6)	11 (5.7)	53 (27.3)	62 (32.0)	58 (29.9)	3.83	1.02	Sederhana Tinggi
9	Kawalan pindah hafazan baharu	6 (3.1)	12 (6.2)	32 (16.5)	80 (41.2)	59 (30.4)	3.92	1.01	Sederhana Tinggi
10	Tunjuk ajar teknik menghafaz ayat sukar	2 (1.0)	9 (4.6)	27 (13.9)	76 (39.2)	76 (39.2)	4.13	0.90	Tinggi
11	Menentukan target.	0 (0)	0 (0)	15 (7.7)	67 (34.5)	108 (55.7)	4.49	0.64	Tinggi
12	Kelas pemulihan.	5 (2.6)	10 (5.2)	32 (16.5)	74 (38.1)	69 (35.6)	4.01	0.99	Tinggi
13	Latihan membezakan ayat <i>mutasyabihat</i> di dalam al-Quran	4 (2.1)	15 (7.7)	40 (20.6)	83 (42.8)	48 (24.7)	3.82	0.97	Sederhana Tinggi
14	Semak bacaan dan tulisan hafazan	1 (0.5)	2 (1.0)	8 (4.1)	54 (27.8)	125 (64.4)	4.58	0.68	Tinggi
Keseluruhan							3.99	0.54	Sederhana Tinggi

Jadual 2 menunjukkan pembelajaran masteri murajaah hafazan al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz dengan nilai min 3.99 dan sisihan piawai 0.54 berada pada tahap sederhana tinggi. Berdasarkan keseluruhan item, terdapat tujuh item yang mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi dan tujuh item pada tahap sederhana tinggi.

Tujuh item yang mencatatkan interpretasi min pada tahap tinggi ialah item *kaedah-kaedah (tips) meneguhkan hafazan* (min=4.25, sp=0.87), item *Kawalan aktiviti pembelajaran hafazan sepenuhnya di dalam kelas* (min=4.12, sp=0.95), item *Makluman pencapaian/prestasi hafazan* (min=4.31, sp=0.80), item *tunjuk ajar berkaitan teknik menghafaz bagi ayat hafazan yang sukar* (min=4.13, sp=0.90), item *penentuan target/pencapaian hafazan setiap pelajar yang perlu dicapai* (min=4.49, sp=0.64), item *kelas pemulihan atau kelas tambahan* (min=4.01, sp=0.99) dan item *Semakan bacaan dan tulisan hafazan pelajar* (min=4.58, sp=0.68). Dapatan menjelaskan bahawa guru memberi penekanan yang sangat kuat terhadap proses semakan bacaan hafazan pelajar. Ia menjadi aspek penting kerana ia memastikan ketepatan hafazan, kelancaran bacaan, serta mengurangkan kesalahan yang berulang. Selain itu penetapan




sasaran hafazan yang jelas mendorong pelajar lebih fokus dan konsisten dalam menguasai hafazan mengikut jadual yang ditetapkan.

Bagi item yang menunjukkan interpretasi min tahap sederhana tinggi pula ialah item *aktiviti pengayaan (latihan tambahan) kepada pelajar yang lancar hafazan di dalam kelas* (min=3.81, sp=1.00), item *latihan bertulis hafazan di akhir pengajaran* (min=3.29, sp=1.03), item *ujian lisan hafazan di akhir pengajaran* (min=3.55, sp=0.95), item *latihan kefahaman ayat hafazan di akhir sesi kelas tasmi' hafazan* (min=3.70, sp=0.97), item *kawalan pindah sukatan hafazan baharu kecuali setelah benar-benar lancar* (min=3.83, sp=1.02), item *Guru tidak membenarkan saya berpindah dari satu ayat kepada ayat hafazan lain kecuali setelah lancar* (min=3.92, sp=1.01) dan item *latihan membezakan ayat-ayat yang hampir sama (mutasyabihat lafzi) di dalam al-Quran* (min=3.82, sp=0.97). Dapatan menjelaskan dengan perolehan nilai min terendah memberi isyarat bahawa pendekatan bertulis kurang diamalkan atau kurang efektif dalam mengukuhkan hafazan. Murid tahfiz lebih terbiasa dengan kaedah lisan (*tasmi'*) dan pengulangan ayat berbanding latihan bertulis.

Rajah 2 merumuskan bahawa kekuatan utama pembelajaran masteri hafazan terletak pada pengukuhan semakan secara lisan dan penetapan target hafazan, manakala secara relatifnya penggunaan latihan bertulis tidak dianggap sebagai kekuatan dalam masteri hafazan. Hal ini menunjukkan guru lebih menekankan aspek lisan, pengulangan dan semakan langsung berbanding latihan bertulis.

Rajah 2: Penguasaan Murajaah Melalui Aktiviti Pembelajaran Masteri Hafazan Al-Quran





4.2 Ekosistem Pembelajaran Tahfiz

Dapatan kajian pada bahagian ini adalah mengukur ekosistem pembelajaran di institusi tahfiz al-quran malaysia. Sejumlah lapan ítem dikemukakan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas mereka terhadap ekosistem pembelajaran tahfiz. Jadual 3 menunjukkan peratus, kekerapan, min dan sisihan piawai persekitaran pembelajaran tahfiz dari maklumbalas pelajar.

Jadual 3: Ekosistem Pembelajaran Hafazan Al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (n=194)					Min	SP	Interpretasi
		TP	JS	KK	K	S			
1	Aktiviti murajaah hafazan di dalam kelas.	6 (3.1)	5 (2.6)	31 (16.0)	83 (42.8)	63 (32.5)	4.02	0.95	Tinggi
2	Aktiviti murajaah hafazan di bilik asrama	10 (5.2)	20 (10.3)	64 (33.0)	63 (32.5)	31 (16.0)	3.45	1.06	Sederhana Tinggi
3	Aktiviti murajaah hafazan di masjid atau surau sekolah.	1 (0.5)	2 (1.0)	10 (5.2)	76 (39.2)	99 (51.0)	4.44	0.70	Tinggi
4	Aktiviti murajaah hafazan di kawasan lapang sekolah.	7 (3.6)	6 (3.1)	75 (38.7)	71 (36.6)	29 (14.9)	3.58	0.92	Sederhana Tinggi
5	Ahli keluarga turut serta.	1 (0.5)	2 (1.0)	27 (13.9)	70 (36.1)	88 (45.4)	4.29	0.79	Tinggi
6	Penyediaan ruang khusus murajaah hafazan di rumah	7 (3.6)	25 (12.9)	57 (29.4)	59 (30.4)	40 (20.6)	3.53	1.09	Sederhana Tinggi
7	Ahli keluarga membawa ke masjid atau surau	17 (8.8)	33 (17.0)	86 (44.3)	35 (18.0)	17 (8.8)	3.01	1.04	Sederhana Tinggi
8	Ahli keluarga memasang audio al-Quran di rumah	2 (1.0)	19 (9.8)	36 (18.6)	59 (30.4)	72 (37.1)	3.96	1.04	Sederhana Tinggi
Keseluruhan							3.78	0.54	Sederhana Tinggi

Jadual 3 menunjukkan ekosistem pembelajaran tahfiz al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz yang mempunyai nilai min 3.78 dan sisihan piawai 0.54 berada pada tahap sederhana tinggi. Terdapat tiga ítem yang menunjukkan interpretasi min tahap tinggi dan lima ítem pada tahap sederhana tinggi.


Tiga ítem yang menunjukkan interpretasi min tahap tinggi ialah ítem *iaitu aktiviti murajaah hafazan al-Quran di dalam kelas* (min=4.02, sp=0.95), ítem *aktiviti murajaah hafazan al-Qur'an di masjid atau surau sekolah* (min=4.44, sp=0.70) dan ítem *Ahli keluarga turut serta membaca al-Qur'an di rumah* (min=4.29, sp=0.79).



Sementara item yang menunjukkan interpretasi tahap sederhana tinggi ialah item *aktiviti murajaah hafazan di dalam bilik asrama* (min=3.45, sp=1.06), item *aktiviti murajaah hafazan al-Quran di kawasan lapang sekolah* (min=3.58, sp=0.92), item *penyediaan ruang khusus untuk saya mengulang dan menghafaz al-Quran di rumah* (min=3.53, sp=1.09), item *Ahli keluarga membawa ke masjid atau surau untuk mengulang hafazan* (min=3.01, sp=1.04) dan item *Ahli keluarga sering memasang bacaan al-Quran di dalam rumah* (min=3.96, sp=1.04).

Rajah 3 turut menjelaskan lagi dapatan ekosistem pembelajaran hafazan al-Quran di sekolah menengah tahfiz. Rajah 3 ini menggambarkan perbandingan skor min bagi setiap aspek persekitaran pembelajaran. Dapatan menunjukkan bahawa aktiviti hafazan di masjid atau surau sekolah memperoleh skor tertinggi, manakala aktiviti hafazan di bilik asrama serta ahli keluarga membawa ke masjid berada pada tahap yang lebih rendah.

Rajah 3: Penguasaan Murajaah Melalui Aktiviti Pembelajaran Masteri Hafazan Al-Quran



4.3 Hubungan Penguasaan (Mastery) Murajaah Hafazan Al-Quran Dengan Ekosistem Pembelajaran Tahfiz Al-Quran

Jadual 4: Kekuatan perhubungan korelasi

Pekali Korelasi	Kekuatan Hubungan
0.00-0.20	Lemah
0.21-0.40	Rendah
0.41-0.60	Sederhana
0.61-0.80	Tinggi
0.81-1.00	Sangat Tinggi

Sumber: Alias Baba



Untuk menguji hubungan di antara pemboleh ubah persekitaran dan pembelajaran tahfiz, ujian korelasi *pearson* telah dijalankan ke atas data yang diperolehi. Berdasarkan jadual 5, dapatan kajian menunjukkan terdapat korelasi antara persekitaran dengan pembelajaran masteri. Ini menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan pada tahap sederhana di antara persekitaran dengan pembelajaran masteri di mana $p < .01$ ($p = .000$).

Jadual 6: Korelasi antara Murajaah dan Ekosistem Tahfiz

	R	Sig. P
Murajaah * Ekosistem Tahfiz	0.553	0.00

** sign pada aras $p < 0.01$
n= 194

5.0 PERBINCANGAN

Menghafaz al-Quran memerlukan proses pengajaran dan pembelajaran yang sistematik bagi meningkatkan daya ingatan pelajar terhadap ayat-ayat yang dihafaz. Pembelajaran tahfiz menuntut penguasaan sepenuhnya terhadap ayat yang dipelajari sebelum berpindah kepada ayat atau surah seterusnya. Pendekatan ini sejajar dengan konsep pembelajaran masteri yang menekankan penguasaan sepenuhnya terhadap sesuatu bahan sebelum beralih kepada topik baharu (Bloom, 1964).

Hasil kajian menunjukkan bahawa unsur-unsur pembelajaran masteri telah diterapkan secara konsisten di sekolah menengah tahfiz. Guru tahfiz didapati sentiasa peka serta bersedia untuk menyemak bacaan dan penulisan hafazan pelajar. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian Murihah Abdullah (2015) yang menegaskan bahawa pengulangan hafazan secara berterusan akan mengukuhkan ingatan jangka panjang pelajar. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa amalan memberikan ujian bertulis masih kurang diamalkan. Keadaan ini menunjukkan guru lebih menekankan pendekatan lisan berbanding bertulis, sejajar dengan tradisi talaqqi dan *musyafahah* dalam pendidikan Islam (al-Qabisi, 1955).

Selain itu, pembelajaran masteri di dalam kelas sahaja tidak mencukupi sekiranya pelajar tidak mendapat ekosistem pembelajaran tahfiz yang kondusif di luar kelas. Pembelajaran sendiri yang berlaku di asrama, masjid atau rumah memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penguasaan hafazan ketika sesi *tasmi'*. Fraser (1998) menjelaskan bahawa persekitaran pembelajaran merupakan faktor penting yang mempengaruhi pencapaian dan sikap pelajar, manakala Wong dan Fraser (1996) turut menegaskan bahawa suasana pembelajaran menjadi penentu utama kepada keberkesanan pengajaran.

Dapatan kajian ini turut membuktikan bahawa sekolah tahfiz menyediakan ekosistem pembelajaran tahfiz yang kondusif seperti bilik darjah yang selesa serta kedudukan masjid atau surau yang berdekatan. Peranan masjid sebagai pusat pembelajaran telah terbukti sejak zaman Rasulullah SAW yang menjadikan ruang *al-Suffah* sebagai medan pengajaran al-Quran (Lokman Ab Rahman, 2000; Mohd Yusuf, 2004; Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007).



Sokongan keluarga juga memainkan peranan yang signifikan, khususnya ketika anak pulang bercuti. Lawson (2003) menegaskan bahawa ketiadaan pemantauan ibu bapa boleh menjejaskan tumpuan dan pencapaian akademik anak-anak, manakala Shaverand dan Walls (1998) membuktikan bahawa penglibatan ibu bapa memberi kesan positif terhadap pencapaian pelajar.

Selain itu, budaya menghafaz yang diamalkan dalam kalangan pelajar tahfiz juga terbukti dapat membentuk motivasi intrinsik yang kukuh (Schein, 1996). Dalam konteks sosial, rakan sebaya di asrama berperanan penting dalam memotivasikan pelajar lain untuk terus istiqamah menghafaz al-Quran (Sharifah Alwiyah, 1987; Abdullah, 2001; Mok Song Sang, 2001). Hal ini bertepatan dengan teori pembelajaran sosial Bandura (1977) yang menegaskan bahawa tingkah laku seseorang dipengaruhi oleh persekitaran dan interaksi sosial.

Akhir sekali, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan murajaah hafazan dengan ekosistem pembelajaran tahfiz, dengan kekuatan hubungan sebanyak 53%. Dapatan ini membuktikan bahawa semakin baik ekosistem pembelajaran tahfiz, semakin tinggi tahap penguasaan murajaah hafazan dalam kalangan pelajar tahfiz. Ini menunjukkan bahawa ekosistem yang kondusif bukan sahaja berfungsi sebagai pelengkap, tetapi juga menjadi faktor penentu utama keberkesanan penguasaan hafazan al-Quran.

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, ekosistem pembelajaran tahfiz yang holistik merangkumi aspek ruang pembelajaran kondusif, peranan masjid, sokongan keluarga, budaya hafazan dan suasana asrama yang teratur mempunyai hubungan signifikan dengan keberkesanan penguasaan murajaah hafazan al-Quran. Pendekatan masteri yang menekankan penguasaan sepenuhnya sesuatu ayat sebelum berpindah kepada ayat lain, semakan berulang oleh guru, serta penetapan sasaran hafazan terbukti membantu pengukuhan daya ingatan pelajar. Secara keseluruhannya, dapatan ini memberi implikasi bahawa kejayaan pendidikan tahfiz al-Quran memerlukan kerjasama sekolah, keluarga dan masyarakat dalam membentuk ekosistem pembelajaran tahfiz yang holistik serta pedagogi yang seimbang agar hafazan dapat dipelihara dengan lebih mantap dan berkesan.. Hal ini adalah bagi mempersiapkan pendidikan tahfiz seiring dengan tuntutan fardhu kifayah agar al-Quran sentiasa terpelihara oleh umatnya sepanjang zaman.

PENGHARGAAN

Kertas ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan Geran Translasiional Universiti (TR@UPSI- 2024-0054-106-01) yang telah ditaja oleh RMIC Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim di bawah peruntukan Geran Penyelidikan Universiti UPSI. Penyelidik mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pemberi dana, pihak institusi tahfiz yang terlibat serta rakan-rakan akademik yang menyokong penyelidikan ini.



RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. 2010. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an. Kuala Lumpur: Darul Fikir. cetakan. 12.
- Aemy Liza, M. (2014). Hubungan makanan dan pemakanan halal toyyiban dengan akhlak (Tesis sarjana falsafah). Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Habash, Al-Syeikh Muhammad. (1987). *Kaifa tahfaz al-Quran*. Beirut: Dar al-Khair.
- Alias Baba (1997). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit UKM.
- Al-Naqib, A. R. (1984). *Al-Suffah wa dawruha fi ta'lim al-Quran*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Al-Qabisi, Abi Hasan Ali Muhammad bin Khalaf. (1955). *Ar risalah al mufasssolah li ahwal al mua'llimin wa ahkam al- mua'llimin wa mutallimin*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al Arabiyyah.
- Al-Sayuti, Jalaluddin Abdul Rahman. (1987). *Al-Itqan fi ulumil Quran*. Maktabah Mustafa al-Bab al-Halaby.
- Bandura, A. (1977). Social learning theory. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bloom, B. S. (1964). *Stability and change in human characteristics*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Dicky Syahfrizal, Airil Ihza Harefa, Hussain Akbar & Aziz Isroq. (2024). Mukjizat Rasulullah Berupa Al-Quran. *Jurnal Budi Pekerti Agama Islam*, 2(5). 77-90.
- Firdaus Abdul Fatah, Mohd Aminuddin Ab Rahman, Siti Zuraini Muhammad & Vijayaletmy Mudiandi (2016). Keberkesanan Pendekatan Masteri Terhadap Mata Pelajaran Jawi. *Jurnal Penyelidikan Tempawan* 30 (3): 115-122.
- Fraser, B.J. (1998). Classroom environment instruments: Development, validity and applications. *Learning Environment Research: An International Journal*, 1, 7-33.
- Ibn Manzur. (1990). Lisan al-Arab. Dar Sader: Beirut.
- Kamarul Azmi, J., & Ab. Halim, T. (2007). Falsafah dan pemikiran pendidikan Islam. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2007), Modul Pembangunan Murid Asrama (MPMA), c.1. Putrajaya: Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia, h. viii.
- Lawson, M. A. (2003). School-family relations in context: Parent and teacher perceptions of parental involvement. *Urban Education*, 38(1), 77–133. <https://doi.org/10.1177/0042085902238687>
- Lokman Ab Rahman. (2000). Sejarah pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Gunawan Che Abd Aziz (14 Jan 2019) Hafaz al-Quran asas tradisi ilmu Islam. Berita harian
- Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press. ISBN: 978-983-52-0503-3.
- Mohd Nazir Kadir, Muhammad Yuslam Yauzi, Dzakiah Al Miskiah & Wan Mohd Hazani. (2021). Kaedah Muraja'ah Hafazan al-Quran yang Diaplikasi oleh Para Pelajar Tahfiz MARSAN. *Jurnal Al-Quran dan Isu-isu Kontemporari*, 4(2). 41-50.
- Mohd Nor Azmil & Miftachul Huda. (2025). Pencapaian Muraja'ah Hafazan al-Quran Pelajar TVET-Tahfiz MARA Ketika Menjalani Latihan Industri. *Journal MAKRIFAH*, 3(1). 54-65.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2004). Pengantar pendidikan Islam. Kuala Lumpur: PTS.
- Mok, Soon Sang (2001). *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 1*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman.
- Muhammad Toriq Yaacob. (2020). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia: Edisi II. Selangor: JAKIM.
- Muriyah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arief SALLEH Rosman, Mohd Faez Ilias (2015) Strategi Awal Menghafaz Al-Quran Menurut Abu Dzar Al-Qalamuni. Kertas kerja dalam *The 5th Annual International Quranic Conference 2015*, 5-6 May 2015, Universiti Malaya.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory*. New York: Mc. Graw Hill Book Company.
- Safinah Ismail, Muhamad Fekri Bin Yusoff, Mariam Abd Majid, Syarbaini Ahmad & Sahlawati Abu Bakar (2015). Pendidikan Dewasa: Kajian Di Masjid Al Azhar Kuis. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- Schein, E. H. (1996). *Organizational culture and leadership* (3rd ed.). San Francisco: Jossey-Bass.
- Sharifah Alwiyah Alsagoff (1987). *Psikologi Pendidikan 1 Konsep-konsep Asas Psikologi Dan Psikologi Pendidikan, Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Heinemann



- Shaverand, A. V., & Walls, R. T. (1998). Effect of Title I parental involvement on student reading and mathematics achievement. *Journal of Research and Development in Education*, 31(2), 91–97.
- Wong, A. F. L., & Fraser, B. J. (1996). Environmental attitude associations in the chemistry laboratory classroom. *Research in Science & Technological Education*, 14(1), 91–102. <https://doi.org/10.1080/0263514960140107>
- Woolfolk, A. (2007). *Educational psychology (10th ed.)*. Allyn and Bacon